

NO. SOALAN: 25

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN IGNATIUS DORELL LEIKING
[PENAMPANG]**

TARIKH : 15 MAC 2018

RUJUKAN : 10714

SOALAN :

Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah cadangan-cadangan Jawatankuasa berikutan Siasatan Diraja Malaysia berkenaan dengan Pendatang Tanpa Izin yang telah mendapat Kad Pengenalan di Sabah dan jika benar wujudnya Pendatang Tanpa Izin yang telah berdaftar sebagai pengundi dalam daftar pengundi Pilihan Raya di Persekutuan Malaysia khususnya di Sabah.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan melalui Jawatankuasa Pengurusan Warga Asing di Sabah (JKPWAS) yang terbahagi kepada dua *tier* iaitu JKPWAS-Induk dan JKPWAS-Teknikal sentiasa mengambil langkah-langkah proaktif dalam mengatasi sebarang cabaran dan isu-isu berbangkit semasa melaksanakan pelan tindakan yang dirumuskan oleh Suruhanjaya Siasatan Pendatang Asing di Sabah. Tindakan-tindakan yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:

- a) menggiatkan tindakan penguatkuasaan serta pengusiran ke atas pendatang asing tanpa izin (PATI) di Sabah. Kesungguhan JKPWAS untuk mengatasi isu PATI ini dapat dilihat melalui jumlah pengusiran tertinggi sejak tahun 1990 iaitu seramai 27,769 orang pada tahun 2015. Secara keseluruhannya, jumlah pengusiran daripada tahun 1990 sehingga 23 Februari 2018 adalah seramai 567,581 orang;
- b) kerjasama dengan Kedutaan Filipina bagi memastikan pihaknya mempercepatkan pengeluaran dokumen perjalanan (*Travel Documents-TD*) kepada tahanan yang hendak diusir ke negara asal. Kerjasama ini menghasilkan impak positif yang mana dokumen tersebut dapat dikeluarkan dalam tempoh 2 hingga 3 minggu berbanding 2 hingga 3 bulan sebelum ini;

- 4
- c) **JKPWAS melalui Jawatankuasa Kecil Sosial dan Komunikasi Induk juga memainkan peranan dalam menyelaraskan program kesedaran dan melaksanakan hebahan program serta aktiviti yang dijalankan oleh ESSCOM, Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Jabatan Penerangan Negeri Sabah berhubung isu PATI di Sabah; dan**

 - d) **memperkenalkan penggunaan terma 'Rekod Kelahiran' bagi dokumen pendaftaran kelahiran Bukan Warganegara di Sabah berkuat kuasa pada 15 September 2015 untuk membezakan dengan jelas dokumen pendaftaran kelahiran bagi Warganegara dan Bukan Warganegara di Sabah. Oleh itu, terma 'Sijil Kelahiran' pada dokumen pendaftaran negeri Sabah hanya akan dikhususkan kepada Warganegara sahaja.**

Berhubung dengan isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat berkenaan Pendatang Tanpa Izin yang telah berdaftar sebagai pengundi dalam daftar pengundi Pilihan Raya, dimaklumkan bahawa salah satu syarat kelayakan untuk mendaftar sebagai pemilih hendaklah bertaraf Warganegara Malaysia.